



**KERJA PENGOREKAN DI KAWASAN JETI JABATAN LAUT,
JALAN FORESHORE, PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 21 Mei 2003.

Adalah dimaklumkan bahawa kerja pengorekan akan dijalankan di kawasan jeti Jabatan Laut di Sungai Klang bagi projek pembaikan dan pembinaan semula jeti Jabatan Laut Wilayah Tengah, Jalan Foreshore, Pelabuhan Klang. Kerja-kerja pengorekan dijangka akan mengambil masa selama tempoh kira-kira 15 hari, mulai dari 22 Mei hingga 5 Jun 2003. Dimaklumkan juga bahawa bahan-bahan korekan akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Selatan dari Pulau Angsa, pada Garisan Lintang 03° 08.85' Utara dan Garisan Bujur 101° 14.20' Timur.

2. Butiran vesel-vesel yang akan digunakan dalam projek itu, adalah seperti berikut:-

- a) Sebuah Bot Tunda bernama "GULF 18"
- b) Dua Buah *Hopper Barge* bernama "MEISUN H22 & MEISUN H23"
- c) Sebuah *Grab Dredger* bernama "SEE SONG 8"

3. Sukacita dimaklumkan juga bahawa semua vesel yang terlibat akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Selaras dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kekepaan munasabah kepada vesel-vesel terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran &
Pegawai Pelabuhan Wilayah Tengah).
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.